

Semakin ramai tidak sihat, cegah sebelum parah

SARIKEI: Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) merupakan salah satu inisiatif penting Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menggalak penyertaan masyarakat dalam aktiviti yang lebih sihat.

Residen Bahagian Sarikei Felicia Tan Ya Hua berkata, usaha itu menuntut penglibatan lebih menyeluruh bukan sahaja agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tetapi juga segenap lapisan masyarakat.

Katanya, ia termasuk menekankan keperluan rakyat dalam segenap aspek termasuk penjagaan kesihatan sebagai salah satu pelaburan terpenting masa depan.

“Populasi Malaysia semakin menua. Walaupun jangka hayat Malaysia semakin meningkat, semakin ramai yang hidup dalam keadaan mengidap penyakit kronik tidak berjangkit (NCD),” katanya.

Beliau berkata demikian mewakili Adun Repok Datuk Seri Huang Tiong Sii pada Majlis Pelancaran Jelajah ANMS Peringkat Bahagian Sarikei, di sini, semalam.

Menurutnya, mengikut unjuran **Jabatan Perangkaan Malaysia**, populasi warga emas berada dalam lingkungan 60 tahun dan ke atas di Malaysia akan meningkat kepada 15 peratus daripada keseluruhan populasi tahun 2030.

“Ini bermakna Malaysia akan menjadi negara berusia emas menjelang 2030. Oleh itu, kita semua perlu membuat pelaburan bukan hanya untuk hidup tua, tetapi yang lebih penting, untuk hidup tua dalam keadaan yang sihat,” katanya.

Felicia menjelaskan, Sarawak mempunyai pelan pembangunan yang komprehensif dengan memanfaatkan segala sumber dan menggunakan jaringan strategik di samping meneroka peluang baharu bagi memastikan pembangunan dapat direalisasikan demi kesejahteraan rakyat.

Usaha itu katanya, tidak hanya terletak di bahu kerajaan, sebaliknya, tanggungjawab semua apatah lagi melibatkan kesihatan sendiri yang memerlukan pelaburan dari segi masa dan usaha.

“Data KKM menunjukkan semakin ramai rakyat Malaysia menghidap NCD seperti penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung.

“Kini dianggarkan satu daripada lima orang dewasa menghidap kencing manis, tiga daripada 10 orang dewasa menghidap darah tinggi dan empat daripada 10 orang dewasa mempunyai kolesterol yang tinggi.

“Ini bermaksud ramai rakyat Malaysia hidup dalam keadaan yang tidak sihat, bukan hanya dalam golongan warga emas tetapi dalam kumpulan umur rakyat Malaysia yang bekerja,” jelasnya.

Program itu diadakan bagi menjadikan rakyat Malaysia yang sihat dengan mengamalkan cara hidup sihat, bijak menangani tekanan, tidak merokok dan menjaga kesihatan persekitaran.

Penolong Pengarah Kanan (Promosi Kesihatan) Jabatan Kesihatan Sarawak Teh Rafidah Kipli dan Pegawai Kesihatan Bahagian Sarikei Dr Emmanuel Joseph Fong Tsung turut hadir.

<https://sarawakvoice.com/2022/10/18/semakin-ramai-tidak-sihat-cegah-sebelum-parah/>